

---

# Pengaruh Pencapaian Matematik Peringkat Spm Terhadap Pencapaian Pelajar Bagi Kursus Matematik Kejuruteraan 1 Dan Matematik Kejuruteraan 2 Diploma Kejuruteraan Mekanikal Di Politeknik Muadzam Shah

---

Nor Hidayah binti Abdul Shukor<sup>1</sup>, Aziana binti Che Aziz<sup>2</sup>, Siti Huzaifah binti Mohammad<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Matematik Sains dan Komputer, Politeknik Muadzam Shah, 26700 Muadzam Shah, Pahang  
E-mail: [nor\\_hidayah@pms.edu.my](mailto:nor_hidayah@pms.edu.my)

<sup>23</sup>Jabatan Matematik Sains dan Komputer, Politeknik Muadzam Shah, 26700 Muadzam Shah, Pahang  
E-mail: [aziana@pms.edu.my](mailto:aziana@pms.edu.my), [huzafah@pms.edu.my](mailto:huzafah@pms.edu.my)

---

## *Abstract*

Kursus Matematik Kejuruteraan 1 (DBM10013) dan kursus Matematik Kejuruteraan 2 (DBM20023) merupakan kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal politeknik seluruh Malaysia. Pelajar yang diterima mengikuti pengajian diploma kejuruteraan ini diwajibkan kredit matematik dalam SPM. Kajian ini dibuat untuk melihat pengaruh pencapaian matematik SPM pelajar terhadap keputusan peperiksaan bagi kursus DBM10013 dan DBM20023. Respondan kajian terdiri daripada pelajar semester tiga Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Muadzam Shah sesi 1 2024/2025 yang telah mengambil kursus DBM10013 dan DBM20023. Data diambil daripada keputusan peperiksaan lepas dan juga keputusan SPM pelajar, ianya telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27.0. Analisis kajian dibuat berdasarkan statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan statistik inferensial iaitu ujian Korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan keputusan pencapaian matematik pelajar dalam SPM 2022, kursus DBM10013 dan kursus DBM20023 adalah setara dengan purata gred bagi ketiga-tiga kursus adalah gred B. Ujian korelasi pula menunjukkan perbezaan yang signifikan dan hubungan positif yang sederhana antara pencapaian Matematik SPM 2022 dengan pencapaian kursus DBM10013 ( $r = 0.457$ ,  $p = 0.000$ ) dan hubungan positif yang lemah antara pencapaian Matematik SPM 2022 dengan pencapaian kursus DBM20023 ( $r = 0.298$ ,  $p = 0.000$ ). Selain itu, dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan dan hubungan positif yang sederhana antara pencapaian Kursus DBM10013 dengan pencapaian kursus DBM20023 ( $r = 0.499$ ,  $p = 0.000$ ). Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak politeknik dalam membuat penilaian dalam pengambilan pelajar yang lebih berkualiti di samping merancang pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang efektif bagi meningkatkan pencapaian pelajar dalam matematik.

***Kata Kunci:*** Pengaruh; Pencapaian matematik SPM; Matematik Kejuruteraan 1; Matematik Kejuruteraan 2

---